

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 31.10.2025 MASA: 5:50PTG

MUKTAMAD



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN
YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN
ABDUL HAMID
DATUK BANDAR SEBERANG PERAI

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN KEJOHANAN KAROM PIALA
DATUK BANDAR MAJLIS BANDARAYA SEBERANG
PERAI 2025

TARIKH / MASA / TEMPAT

02 NOVEMBER 2025 (AHAD)
11.00 PAGI

KOMPLEKS SUKAN MBSP BERTAM
SEBERANG PERAI UTARA

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis

Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim bin Md Nor

Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Seberang Perai

LAr Shaqhrony Bin Md Yusoff @ Jamaludin

Setiausaha Persatuan Kebajikan Sukan & Sosial (PESUKA)

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP)

Encik Mohd Fidaie Bin Mohamad

Ketua Sukan PESUKA MBSP

AJK Kelab Karom MBSP

Para Peserta

Rakan-Rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Selamat Pagi, Salam Sejahtera, Salam Penang2030 dan Salam Malaysia
MADANI,

1. Alhamdulillah, dengan izin dan limpah kurnia Allah SWT, pada pagi yang penuh semangat ini kita dapat bersama-sama berhimpun dalam **Majlis Perasmian Kejohanan Karom Piala Datuk Bandar MBSP 2025.**
2. Saya ingin mengalu-alukan dengan penuh penghargaan kehadiran para dif kehormat, Ahli-ahli Majlis, serta semua peserta terdiri daripada pelbagai agensi kerajaan, swasta, kelab-kelab karom dan perseorangan dari seluruh negara. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan menyerikan lagi majlis kita pada hari ini.
3. Saya amat menghargai komitmen yang diberikan oleh semua pihak. Walaupun sibuk dengan tugas harian, saudara-saudari tetap hadir dengan semangat kesukanan yang tinggi untuk menjayakan kejohanan ini. Syabas dan tahniah saya ucapkan!

Tuan – tuan dan Puan – puan

4. Tahun ini merupakan kali pertama **Kejohanan Karom Piala Datuk Bandar** diadakan dan kejohanan ini antara kejohanan sukan yang terbesar yang telah diadakan oleh MBSP pada tahun ini yang melibatkan pernyertaan dari seluruh negara.
5. Seramai **650 orang peserta** yang mewakili **63 pasukan dari pelbagai agensi kerajaan, swasta, kelab dan perseorangan** yang menyertai kejohanan menyertai kejohanan tahun ini. Kehadiran anda semua pastinya menjanjikan persaingan yang sengit dan menarik.
6. Kepada para peserta, rebutlah peluang untuk membawa pulang hadiah :
 - **Juara Perseorangan : RM3,000.00 + Piala**
 - **Juara Beregu : RM6,000.00 + Piala**

Secara keseluruhan hadiah yang disediakan untuk kejohanan ini hampir RM20,000.00

7. Namun pertandingan ini bukan sekadar pertandingan untuk mencari pemenang, tetapi juga satu wadah untuk mengukuhkan silaturahmi, semangat berpasukan, serta gaya hidup sihat dalam masyarakat dan platform mengeratkan ukhuwah sesama kita.
8. Akhir kata, marilah kita jadikan kejohanan ini bukan sekadar medan persaingan, tetapi juga jambatan silaturrahim antara kita semua. Dengan penuh sukacita, saya dengan ini **merasmikan Kejohanan Karom Piala Datuk Bandar MBSP 2025.**

Sekian, terima kasih.

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.